

SULIT

1103/2

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Mei

2011

2 ½ jam



BAHAGIAN PENGURUSAN

SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2011

TINGKATAN 5

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
 2. *Jawab semua soalan.*
 3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
 4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
 5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat rumusan tentang **usaha-usaha membudayakan amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat dan kekangannya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Di Malaysia, sifat-sifat luhur dan kesantunan budi bahasa yang dulu menjadi kebanggaan masyarakat semakin terhakis. Ekoran itu, kerajaan telah mengorak langkah yang bijaksana dengan melancarkan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni Peringkat Kebangsaan, pada 11 Januari 2005. Objektif kempen ini adalah untuk menanam, menghayati, dan mengamalkan nilai-nilai murni. Perdana Menteri menyatakan bahawa sebelum amalan ini terhakis seharusnya peranan sendiri, keluarga, dan masyarakat amat penting untuk membugarkan budaya berbudi bahasa dalam kalangan rakyat Malaysia. Tugas ini diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dengan penganjuran pelbagai aktiviti sebagai pendekatan kontemporari.

Peranan institusi keluarga tidak boleh dikesisikan. Para ibu bapa tidak harus mengambil sikap bena tidak bena apabila memberi didikan kepada anak-anak. Ibu bapa harus menyemai sikap berbudi bahasa yang tinggi kepada anak-anak kesayangan mereka. Hal ini kerana remaja sering dikaitkan dengan gejala sosial seperti pergaulan bebas, lumba haram dan sebagainya. Perlakuan mereka sudah melanggar adat dan tatasusila yang menjadi norma dalam masyarakat. Pada masa inilah masyarakat harus mempunyai swadaya untuk menegur perlakuan remaja dengan cara berhemah agar mereka dapat menerima teguran dengan sebaik-baiknya. Sebaliknya, masyarakat hari ini lebih menekankan aspek materialisme, sekali gus *meminggirkan nilai moral* seperti berbudi bahasa. Ibu bapa dan guru-guru haruslah berganding bahu dengan masyarakat untuk sama-sama memainkan peranan membentuk peribadi anak-anak seterusnya mengamalkan nilai budi bahasa yang terpuji. Dalam kehidupan masyarakat, para remaja perlu sentiasa menggunakan tutur kata yang sopan, mempunyai fiil yang halus dan budi pekerti yang mulia.

Selain itu, institusi pendidikan formal, iaitu sekolah bertanggungjawab untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Tugas guru pula semakin mencabar bukan sahaja menghabiskan sukatan pelajaran, malah guru harus menjadi suri teladan kepada anak didik mereka. Jadi, warga pendidik harus menggunakan bahasa yang sopan apabila berinteraksi dengan pelajar. Tugas ini haruslah disambut baik oleh para pendidik kendatipun mereka menanggung beban tugas yang banyak. Seterusnya, masyarakat menyambut baik jika syarikat pengangkutan awam seperti bas, teksi, monorel, dan LRT menggunakan kenderaan mereka sebagai platform untuk mendidik masyarakat ke arah merealisasikan nilai-nilai berbudi bahasa dengan melekatkan pelbagai iklan dan cogan kata pada kenderaan awam.

Sebagai konklusi, semua pihak harus menggemblengkan tenaga bersama-sama menyahut kempen kerajaan agar amalan berbudi bahasa yang menjadi amalan tradisi nenek moyang kita tidak luput ditelan arus globalisasi yang begitu hebat.

(Dipetik dan diubahsuai daripada rencana “Berbudi Bahasa Amalan Hidup Kita”, Dewan Siswa, Februari 2008)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata *meminggirkan nilai moral*? [2 markah]
- (ii) Apakah perkara yang merisaukan rakyat Malaysia dalam konteks amalan budi bahasa? [3 markah]
- (iii) Amalan budi bahasa harus menjadi budaya dalam kalangan masyarakat. Pada pendapat anda, mengapakah budaya ini perlu diamalkan?

Berikan **tiga** sebab. [4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Suara Pak Husain sangat lemah. Dia sudah dimandikan oleh Mak Bidah. Darahnya sudah dicuci. Tetapi semangat Pak Husain sudah hilang. Dia menjadi takut-takut. Dia selalu meracau dan menyebut apa-apa sahaja yang dilihatnya sebagai tentera Jepun. Dia melihat mayat di mana-mana, walaupun kami tidak melihatnya. Kwong yang menyerobot ke dalam perasaan Pak Husain sangat membimbangkan kami. Beberapa malam berikutnya ayahku tidak tidur-tidur kerana menjaga Pak Husain. Dia mesti dijaga. Dia yang bertanggungjawab dalam usaha menyelamatkan kami. Aku dapat bayangkan apa yang akan berlaku ke atas kami sekaliannya yang di pangkalan kalau tentera-tentera Jepun itu sempat turun. Bukanlah keberanian dan sikap Pak Husain membohongi tentera Jepun itu telah menyelamatkan kami? Alangkah besar jasanya. Alangkah!

Kisah Pak Husain dipaksa supaya menguburkan mayat sehari suntuk telah berkembang dari mulut ke mulut. Kisah itu mengapung terus dari kampung Dal ke kampung-kampung yang lain. Berkembang ke Tebing Tinggi, di Dasar, di Kemumin, di Pancur, di Pulau Tukang Dolah, dan di Teluk Kitang. Cerita itu tidak dirasakan baktinya selain kami penghuni asli Kampung Pak Amat.

(Dipetik daripada cerpen 'Pahlawan Buntung' oleh S.Othman Kelantan dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan **dua** tanda yang menunjukkan semangat Pak Husain telah hilang. [2 markah]
- (ii) Sekiranya anda ialah penulis, nyatakan **tiga** tindakan yang akan anda ambil untuk membalas jasa Pak Husain. [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** perwatakan Pak Husain yang terdapat dalam petikan dan **satu** lagi perwatakan lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen. [4 markah]

Soalan 2 (c) – Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah demikian maka Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi pun makin sangat menangis takut akan ayahanda baginda. Maka Raja Indera Bumaya pun memujuk tuan puteri juga dengan kata yang manis-manis seraya katanya, “Ya tuanku, nyawa badan kanda, janganlah menangis. Mata yang manis menjadi balut, suara yang merdu menjadi parau. Tuan, janganlah tuan merosakkan kalbu abang. Biarlah hilang abang seorang, mahulah lenyap kakanda seorang.” Maka kata tuan puteri, “Jika kakanda mati masakan adinda hidup. Hidup pun tiada apa gunanya.” Maka Raja Indera Bumaya pun tersenyum mendengar kata tuan puteri itu, seraya katanya, “Kasih sungguh rupa-rupanya tuan akan kakanda serta juga kakanda mati yang kasih tuan itu setelah *terjunjunglah di atas batu kepala* kakanda.” Maka Raja Indera Bumaya pun mencita gemala hikmat yang daripada Raja Johan Syahperi itu maka keluar jin empat ribu dari dalam gemala hikmat itu. Maka titah baginda, “Hai saudaraku, pergilah tuan hamba berperang dengan rakyat Raja Bahrum Dewa itu.” Maka ia pun menyembah dan turun berperang. Maka menjadi perang besarlah kedua pihak itu gegak gempita terang cuaca menjadi kelam kabut. Setelah seketika itu maka orang berperang pun terlalu banyaklah darah tumpah ke bumi maka bergeraklah tasik indera itu sementara itulah segala hulubalang rakyat sekalian.

(Dipetik daripada ‘Hikayat Langlang Buana’ oleh Mohd. Yusof Md. Nor dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *terjunjunglah di atas batu kepala* yang terdapat dalam petikan? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** permintaan Raja Indera Bumaya terhadap Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk mengelak pertumpahan darah daripada berlaku? [3 markah]

Berikan **tiga** langkah.

Soalan 2(d) - Petikan Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dirgahayu Bahasaku

Ahmad Sarju

Tempatmu di singgahsana
hati nurani bangsaku
warga yang berbudi
setia dan amanah.

Bahasa itu maruah bangsa
yang mesti dipelihara martabatnya
agar tetap kukuh dan ampuh
melayari lautan bijaksana
salam ikatan mesra dan teguh.

Cekal dan waja semangat pejuangku
hak bangsaku memilikimu
hak bangsaku mendaulatkanmu
di bumi bertuah ini
merentas dunia tak bertepi.

Sejarah bangsa mencatatkan kegemilangan
ke barat dan ke timur menjalin persaudaraan
gagah pelautku membelah lautan
ke utara dan ke selatan bahasaku mencengkam
dari pulau ke pulau menggilap mutiara silam.

Dirgahayu Bahasaku
di arena antarabangsa suaramu tumbuh
menusuk kalbu lagu bahasamu
bahasamu bahasa minda
mudah akrab dan bertatasusila
daripada bangsa yang bernama Melayu
menempa kejayaan di alaf baru.

(September 2000)

Manuskrip Luka Bangsa, 2006

Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENAMA)

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Dirgahayu bahasaku? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah bahasa Melayu sukar untuk dimartabatkan di negara kita ?
Berikan **tiga** sebab. [3 markah]
- (iii) Nyatakan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam sajak ini. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap kata dalam pasangan kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan frasa itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- | | | | |
|-------|--------|---|---------------|
| (i) | siku | - | siku-siku |
| (ii) | angkut | - | angkut-angkut |
| (iii) | kuda | - | kuda-kuda |

[6 markah]

(b) Tukar ayat-ayat di bawah supaya menjadi ayat-ayat cakap ajuk tanpa mengubah maksud asalnya.

Zamarul bertanya kepada Muis sama ada Muis boleh mengajarkannya memasang komputer. Muis bersetuju dengan permintaan Zamarul. Zamarul kemudiannya meminta Muis menuliskan cara-cara untuk memasang komputer pada masa itu juga. Muis mengatakan bahawa Zamarul tidak perlu risau kerana dia berjanji akan mengajarkannya selepas balik sekolah pada hari itu. Seterusnya, Zamarul memberitahu Muis bahawa dia ingin membeli sebuah komputer pada minggu hadapannya dan ingin memasangnya sendiri. Dia juga meminta Muis menyenaraikan komponen-komponen komputer yang diperlukan. Muis menyukai rancangan Zamarul dan dia berjanji lagi bahawa dia akan datang ke rumah Zamarul untuk mengajar Zamarul cara – cara memasang komputer tersebut.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam matapelajaran Bahasa Melayu juga terdiri daripada bacaan luas, permainan bahasa, dan kerja penyelidikan.
- (ii) Rakyat Malaysia menunjukkan sikap yang pro-aktif dalam usaha membantu pihak kerajaan mentangani kes denggi yang melanda.
- (iii) Walau pun kebanyakan penduduk di kawasan setinggian itu berpindah, namun boleh dikata rata-rata mereka tidak berpuas hati terhadap sikap pemaju.

[6 markah]

- (d) Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **tiga kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Banyak perkara-perkara yang dapat dilakukan oleh masyarakat untuk menahan vandalisme daripada terus-menerus berleluasa. Pengajaran merupakan tunjang yang dapat mengubat penyakit sosial ini dan diharapkan mampu menyemai perasaan cintakan harta benda awam. Sehubungan itu, masyarakat setempat perlu prihatin dan berasa terpenggil untuk mengambil tindakan tanpa perlu mengharapkan pihak berkuasa membuat serbuan.

[6 markah]

- (e) Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **tiga peribahasa** yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan ini.

Masyarakat kini leka mengejar kebendaan sehingga lalai akan tanggungjawab kepada diri sendiri dan keluarga. Kadang-kadang sesuatu yang ingin dicapai itu bukan sahaja tidak kesampaian, sebaliknya terpaksa kehilangan sesuatu yang sudah dimiliki. Hal seperti ini wajar dijadikan iktibar supaya kita tidak menyesal pada kemudian hari. Masa sangat berharga. Oleh itu, kita seharusnya menyediakan masa yang bernilai untuk diri sendiri dan keluarga. Hakikat yang perlu disedari ialah apabila melakukan sesuatu kita haruslah mengukur kemampuan kita supaya tidak terikut-ikut dengan perlakuan orang lain yang boleh memudaratkan diri kita sendiri.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (i) Azfa Hanani karya Hanis Azhan Mohd Hanafiah
- (ii) Papa... Akhirnya Kau Tewas Jua karya Deana Yusof
- (iii) Renyah karya Gunawan Mohamad
- (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (v) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vi) Interlok karya Abdullah Hussain
- (vii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd Taib Hassan
- (viii) Kabus Di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

- (a) Pengarang mengutarakan beberapa konflik yang dihadapi dalam cerita untuk menarik minat pembaca meneruskan pembacaannya hingga selesai.

Berdasarkan novel yang telah anda kaji, huraikan **dua** konflik yang dihadapi oleh watak-watak dalam novel tersebut.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** pengajaran yang ingin disampaikan oleh setiap pengarang kepada pembaca.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT